

# Makan malam rai bekas pesakit kanser

**Sebagai** meraikan pesakit, bekas pesakit kanser serta mereka yang banyak memberikan sokongan dan semangat, Pusat Sumber & Pendidikan Kanser (CaRE), Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menganjurkan Karnival dan Makan Malam Kaseh Kanser CaRE 2014 pada 10 Mei 2014 di Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan, UPM dan Dewan Bankuet, UPM untuk jamuan Makan Malam Kaseh Kanser CaRE.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang hari antaranya Kayuh Amal Kanser CaRE 2014, senamrobik, senaman qi gong, sesi kumpulan sokongan kanser, pertandingan masakan menu sihat, saringan kesihatan umum, saringan kanser, perkhidma-



**WAKIL** Bank Rakyat Nazaruddin Zainal Abidin menyampaikan sumbangan kepada Pengarah CaRE Prof Dr Latiffah Abdul Latiff.

tan mamogram oleh MAKNA, pameran kesedaran kanser dan kesihatan, karnival jualan, sukaneka keluarga sihat, pertandingan karaoke dan cabutan bertuah. Program ini akan diakhiri dengan acara kemuncak iaitu Majlis Makan Malam Kaseh Kanser CaRE 2014.

Aktiviti yang dinantikan pengunjung sudah pasti acara Kayuhan Amal Kanser 2014 anjuran bersama CaRE dan Cycling For All, Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia. Matlamat acara ini bukan saja untuk mengumpul dana bagi program pendidikan kanser dan sokongan di seluruh UPM dan Malaysia, malah menyatakan masyarakat tempatan dalam usaha meningkatkan

kesedaran, mengamalkan gaya hidup sihat dan mempromosikan budaya berbasikal dalam kampus hijau di UPM.

Antara agenda menarik pada majlis makan malam pula adalah pelancaran buku terbitan CaRE Kanser 1 Anugerah iaitu buku mengandungi koleksi cerita menarik daripada pesakit kanser. Ia diterbitkan bertujuan memberikan motivasi dan semangat kepada mereka untuk berdepan cabaran kesihatan kanser.

Antara kisah yang terdapat di dalam buku ini membabitkan kisah pesakit kanser limfoma, paru-paru, ovarи, leukemia, payudara, endometrium, usus dan hidung.

Turut diadakan penganugerahan untuk dua Tokoh Kanser Negara 2014 dan Tokoh Abdul Rahman Ibnu Auf CaRE 2014.